



SCHOOL OF COMPUTING

FACULTY OF ENGINEERING

SEMESTER II 2020/2021

UHMS1182 PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

SEKSYEN 40

REFLEKSI ETIKA DAN PERADABAN

**NUR ALEEYA SYAKILA BINTI MUHAMAD SUBIAN
(A19EC0127)**

PENSYARAH : PROF. DR. HASHIM FAUZY YAACOB

TARIKH PENYERAHAN : 30/06/2021

ISI KANDUNGAN

Bahagian A : Refleksi Umum	3
Bahagian B : Refleksi Isi Pengajaran	5
1.0 Bab 1 : Pengenalan Ilmu Etika Dan Peradaban	5
2.0 Bab 2 : Teori-Teori Etika	6
3.0 Bab 3 : Etika Dalam Kepelbagaian Tamadun : Islam & Melayu	7
4.0 Bab 4 : Etika Dalam Kepelbagaian Tamadun : China, India & Barat	8
5.0 Bab 5 : Kesepaduan Nasional	9
6.0 Bab 6 : Perlembagaan Persekutuan Tiang Seri Etika & Peradaban di Malaysia	10
7.0 Bab 7 : Penerapan Etika & Peradaban Dalam Budaya & Komunikasi Kontemporari	11
8.0 Bab 8 : Peranan Etika & Peradaban Mendokong Tanggungjawab Sosial	12
9.0 Bab 9 : Cabaran Kelestarian Etika & Peradaban	13

Bahagian A : Refleksi Umum

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Yang Maha Esa, kerana dengan limpah kurnianya saya dapat menyiapkan tugas ini. Melalui tugas yang telah diberikan oleh pensyarah kursus UHMS1182 Penghargaan Etika dan Peradaban, Prod. Dr. Hashim Fauzy Yaacob telah memberi banyak ilmu serta pengetahuan yang baru kepada saya.

Pertama kalinya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami kerana diatas tunjuk ajar yang ditunjukkan sepanjang kelas. Kelas diadakan secara atas talian sehingga tamat kursus diatas sebab Covid-19 yang melanda negara. Walaupun kelas diadakan secara atas talian, namun pensyarah kami sangat bersemangat dalam menyampaikan ilmu hingga ke penghujung kursus. Pada awalnya, saya kurang arif mengenai kursus ini. Setelah mendalami semua topik-topik yang dibincangkan di dalam kursus ini, kini saya dapat menambah ilmu baharu serta menjadi lebih menghargai etika dan peradaban serta kisah-kisah bersejarah negara kita yang berkait rapat dengan pembinaan peradaban yang telah bermula dari zaman dahulu lagi.

Tugas saya yang paling penting dalam kursus ini ialah melakukan Kajian Terhadap Kepentingan Akhlak dalam Kehidupan Sehari-hari. Pada mulanya, menerima tugas ini menimbulkan tanda tanya dalam diri saya dimana bagaimanakah harus kumpulan saya ingin melakukan kajian ini. Namun setelah diterangkan oleh pensyarah kami dengan lebih jelas tentang tugas ini, kami dapati bahawa kami tidak dihadkan sumber kajiannya yang hanya termaktub kepada journal buku di perpustakaan mahupun mengadakan sesi perjumpaan ataupun temubual bersama orang awam. Kami dibenarkan membuat kajian berdasarkan apa sahaja sumber yang terdapat dan mudah untuk didapati. Lagi-lagi sekarang ini kita dimusim Covid-19

dimana kita tidak digalakkan untuk keluar mencari sumber-sumber kajian. Maka di dalam tugas ini, saya dan kumpulan saya telah mengkaji topik ini melalui laman web, berita serta rencana. Kami telah diberikan tugas penting ini sejak awal kursus ini lagi. Masa yang diberikan oleh pensyarah kami amatlah mencukupi untuk kami melakukan kajian, pencarian bukti serta menyediakan bahan untuk pembentangan. Melalui tugas ini, saya sedar bahawa akhlak yang baik bukan sahaja penting bagi individu, namun ia adalah penting dan harus diamalkan dalam kehidupan seharian seluruh masyarakat bagi menjamin keharmonian negara. Di dalam kajian ini, saya ditugaskan untuk mencari contoh kes-kes yang berlaku di dalam negara kita apabila dimana akhlak tidak diamalkan dalam kehidupan. Tugas ini semestinya membuka mata saya tentang isu-isu sekeliling yang masih lagi berlaku akibat amalan akhlak yang baik yang tidak dipentingkan dalam kehidupan seseorang.

Saya ingin berterima kasih kepada ahli kumpulan saya iaitu Azriana, Nor Hafiyzha, Nur Hadirah, Alvin dan Rasmin di atas kerjasama yang masing-masing telah tunjukkan. Saya amat bersyukur kerana mendapat ahli kumpulan yang rajin, memberi kerjasama sepenuhnya sepanjang melaksanakan tugas serta saling bertukar pendapat. Walaupun kumpulan kami terdiri dari pelbagai kaum, namun kami tetap dapat bersatu dan saling bantu-membantu dalam menyiapkan tugas ini tanpa rungutan. Kami juga dapat berkomunikasi dengan baik antara satu sama lain. Pada hari pembentangan kami, seorang ahli kami telah sedikit lewat untuk hadir ke kelas. Kami terus menerus menelefon beliau sehingga beliau hadir ke kelas. Pada ketika itu, kumpulan pertama masih membentangkan isi mereka. Kami berada pada giliran kedua untuk melakukan pembentangan. Alhamdulillah semasa pembentangan, tiada sebarang masalah teknikal yang melanda kumpulan kami. Urusan kami dipermudahkan serta pensyarah telah memberikan komen yang baik terhadap keseluruhan pembentangan kami.

Bahagian B : Refleksi Isi Pengajaran

1.0 Bab 1 : Pengenalan Ilmu Etika Dan Peradaban

Pada awalnya, saya sangkakan setiap tamadun mempunyai pelbagai takrifan kepada etika dan peradaban. Namun setelah mendalami bab ini, saya dapati bahwa setiap tamadun itu mempunyai maksud etika tersendiri tetapi masih membawa kepada perkara yang sama iaitu tamadun-tamadun ini mementingkan tingkah laku dan pemikiran supaya dapat membezakan antara baik dan buruk.

Apa yang saya dapati dari bab ini ialah kita perlulah hidup dengan mengamalkan etika yang baik dalam kehidupan seharian. Etika yang baik dapat membentuk diri kita menjadi seorang yang lebih berkualiti serta berdedikasi. Jika dilihat dari perspektif yang lain pula, saya juga mempelajari kemahiran serta kualiti hidup berdasarkan etika dan adab yang positif dalam bab ini. Sebagai seorang pelajar, saya semestinya perlu mengaplikasikan etika dan peradaban terutamanya di dalam kelas. Saya perlulah sentiasa menghormati guru dan bertanggungjawab dalam melaksanakan segala kerja yang diberi. Apabila ingin berkomunikasi secara maya bersama guru atau pensyarah, seharusnya kita memberi salam dan sertakan nama dan penjelasan kita terlebih dahulu. Juga sertakan tujuan kita untuk menulis mesej tersebut. Ini merupakan adab dan etika yang seharusnya diaplikasikan oleh semua orang, bukan sahaja bagi pelajar dan pengajar.

2.0 Bab 2 : Teori-Teori Etika

Sebagai kesimpulan bagi bab ini, teori etika terbahagi kepada dua iaitu teori etika klasik dan teori etika moden. Di dalam teori etika klasik, ia terbahagi kepada dua teori utama iaitu Teori Kebaikan dan Teori Teologi. Manakala teori etika moden pula ia terbahagi kepada tiga iaitu Teori Deontologi, Teori Keadilan dan Teori Hak Asasi. Tujuan teori-teori ini diwujudkan adalah sebagai panduan kepada kita untuk mengaplikasikan etika dalam kehidupan,

Sebagai contoh, dengan adanya Teori Kebaikan, kita dapat panduan yang tepat mengenai melakukan kebaikan di dunia. Apabila kita menerapkan teori kebaikan dalam kehidupan seharian kita, maka hidup kita akan lebih tenang dan harmoni. Kita akan sentiasa berfikir akibatnya jika kita hendak melawan teori kebaikan dengan melakukan kejahatan. Di dalam bab ini, ia juga memperkenalkan kepada saya 4 prinsip falsafah etika mengikut Aristotle. Dan saya sedar bahawa, Aristotle juga mementingkan pengamalan etika dalam kehidupan seharian bagi mencapai kualiti hidup yang lebih bermakna. Beliau telah memperkenalkan konsep eudaimonia' dimana ia bermaksud pencapaian terbaik sebagai manusia dalam semua aspek merangkumi kebaikan, kebahagiaan, beretika dan kehidupan yang bermakna kepada diri sendiri, masyarakat, makhluk ciptaan Tuhan yang lain dan alam semesta. Dengan kehadiran teori-teori etika yang sudah saya pelajari ini dapat membantu saya untuk memikirkan tindakan yang akan dilakukan oleh saya supaya tidak menyesal di kemudian hari,

3.0 Bab 3 : Etika Dalam Kepelbagaian Tamadun : Islam & Melayu

Bab ini menceritakan tentang isu-isu etika dan peradaban dalam tamadun Islam. Seperti yang kita sudah sedia maklum, tamadun Islam bermula sejak 7 masihi lagi di semenanjung Tanah Arab sejak kerajaan diperintah oleh nabi Muhammad SAW. Setelah kewafatan nabi Muhammad SAW, kerajaan Arab diperintah oleh khulafa' al-rasyidin, bani Umayyah, Abbasiyah dan Uthmaniyyah sehingga lah tamadun ini berkembang secara meluas dari Barat ke Asia Timur.

Di dalam tamadun Islam, antara etika yang ditekankan ialah pertama sekali, etika mestilah selari dengan fitrah manusia. Islam mempercayai bahawa setiap manusia itu baik dan suci sejak mereka lahir. Namun secara fitrah manusianya, manusia mampu berubah sikap kepada kearah yang lebih buruk akibat faktor terdedah kepada sekeliling yang mempengaruhi mereka. Selain itu, etika dalam tamadun islam mestilah selari dengan al-din iaitu agama. Di dalam islam, perbuatan baik amatlah digalakkan dan perbuatan jahat amatlah dikeji. Islam menuntut umatnya untuk sentiasa berlaku baik sesama benda hidup sama ada manusia, haiwan mahupun tumbuhan.

4.0 Bab 4 : Etika Dalam Kepelbagaian Tamadun : China, India & Barat

Terdapat tiga tamadun yang ditekankan dalam bab ini iaitu Tamadun Cina, Tamadun India dan Tamadun Barat. Setiap tamadun berbeza dari segi kepercayaan dan adat, namun setiap tamadun sangat mementingkan etika dan peradaban dalam kehidupan masyarakat mereka. Saya sedar bahawa etika dan peradaban bukan sahaja penting untuk kita yang hidup pada zaman ini, namun kepentingannya dapat dilihat telah bermula sejak zaman dahulu lagi.

Pengajaran dari tamadun Cina, konsep yang utama yang kita boleh contohi adalah konsep Wu Lun. Berdasarkan konsep ini, kita hendaklah berusaha memelihara kesejahteraan dalam masyarakat dapat mengekalkan kesepaduan dalam hidup. Sebagai contoh, dalam sesebuah rumahtangga, suami dan juga isteri hendaklah saling melengkapi satu sama lain seperti dalam konsep yin dan yang. Api tidak boleh dilaga bersama api, apabila seorang api makan seorang lagi hendaklah menjadi air. Etika sungguhlah mementingkan manusia untuk hidup dengan mengamalkan konsep-konsep baik ini supaya kehidupan akan sentiasa dalam aman dan harmoni. Di dalam tamadun India, konsep “Atithi devo bhava” diamalkan. Konsep ini mementingkan sifat saling hormat-menghormati di kalangan masyarakatnya. Sebagai contoh, kita hendaklah sentiasa menghormati orang lain walaupun mereka adalah musuh kita. Layan semua orang secara sama rata bagi mencapai keharmonian dalam hidup dalam bermasyarakat. Manakala dalam tamadun Barat pula, nilai yang saya dapati adalah, kita hendaklah sentiasa jujur dengan diri sendiri serta kepada orang sekeliling. Pentingnya nilai kejujuran ini adalah supaya kita sentiasa dipercayai dan diterima segala cadangan pandangan oleh masyarakat sekeliling.

5.0 Bab 5 : Kesepaduan Nasional

Dalam bab ini, ia banyak mengajar saya tentang kepentingan kesepaduan nasional dalam membina negara yang aman dan damai. Seperti yang kita sedia maklum, Malaysia terdiri dari pelbagai kaum termasuk melayu, cina, india dan banyak lagi. Di dalam Malaysia juga terdapat pelbagai agama termasuk islam, kristian, buddha, hindu dan sebagainya. Bab ini banyak mengajar saya tentang kepentingan menjaga kesepaduan nasional bagi memelihara kesejahteraan negara. Isu perkauman pada tahun 1969 yang pernah terjadi mencatat satu titik hitam dalam sejarah Malaysia dimana berlakunya 'peristiwa 13 Mei' pada tahun tersebut. Rusuhan kaum yang mengakibatkan kehilangan nyawa, kecederaan, hilang rasa percaya dan kemusnahan harta benda. Rukun Negara dicipta bagi mengawal perpaduan rakyat.

Kita sebagai rakyat Malaysia, haruslah bersama berusaha menjaga perpaduan sesama rakyat dengan menerima perbezaan diantara kita. Walaupun kita tidak mempunyai kepercayaan dan pegangan agam yang sama, namun ia tidak boleh menghalang kita dari mencapai kesepaduan. Kita perlulah saling hormat-menghormati dan tidak mengungkit isu sensitif yang boleh mengakibatkan kejatuhan perpaduan lalu berlaku perpecahan antara kaum.

6.0 Bab 6 : Perlembagaan Persekutuan Tiang Seri Etika & Peradaban di Malaysia

Bab ini banyak menceritakan tentang definisi, konsep dan sejarah tentang Perlembagaan dan peranan Perlembagaan Malaysia. Perlembagaan Malaysia adalah penting dalam mengekalkan keharmonian negara kerana ia merupakan perjanjian taat setia ataupun kontrak sosial yang menjadi asas kepada perundangan dan keamanan negara. Ia bermula dengan pembentukan Malayan Union yang diketuai oleh Gabenor. Perkara ini sangat ditentang oleh orang Melayu atas banyak faktor termasuk sultan-sultan hanya boleh menjadi raja kehormat sahaja dan yang paling ditentang, hak kerakyatan diberi sangat mudah kepada golongan bukan Melayu melalui prinsip jus soli dimana sesiapa sahaja yang telah lahir di Tanah Melayu selepas Malayan Union dilaksanakan, maka mereka berhak mendapat kerakyatan dengan mudah. Dan proses pembentukan perlembagaan ini beralih kepada pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Daripada semua peristiwa yang telah disebut, kita dapat melihat betapa orang terdahulu berusaha untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum serta menegakkan hak-hak rakyat yang sepatutnya ditegakkan. Kita sepatutnya jadikan kisah ini sebagai pengajaran untuk kita terus sentiasa berusaha memelihara perhubungan antara semua kaum demi mengelakkan konflik yang akan mengundang kepada kejatuhan perpaduan sejurus menjatuhkan keharmonian negara. Kita haruslah saling bertolak ansur sesama masyarakat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama.

7.0 Bab 7 : Penerapan Etika & Peradaban Dalam Budaya & Komunikasi Kontemporari

Bab ini membincang tentang bagaimana penggunaan teknologi di Malaysia telah memberi perubahan kepada peradaban dalam budaya dan komunikasi kontemporari. Pada zaman kini, teknologi telah berkembang dengan pesat. Maka rakyat lebih mudah terdedah kepada hiburan hedonistik yang banyak ditular di dalam internet. Hiburan hedonistik boleh disimpulkan sebagai suatu pandangan hidup oleh seseorang yang mementingkan kesenangan hidup dan keseronokan. Konsep hedonisme ini membentuk manusia menjadi seorang yang mengutamakan duniawi dengan mengutamakan kebebasan kehidupan yang berpaksikan hiburan, kemewahan dan materialistik semata-mata. Kesan jangka panjang boleh mengakibatkan keruntuhan budaya, moral dan akhlak terutamanya dalam kalangan generasi muda.

Perkembangan teknologi seperti media sosial boleh membuka ruang kepada beberapa pihak untuk menyuarakan pendapat tanpa menghiraukan isu sensitif. Sememangnya kita berhak untuk bersuara, namun ia haruslah berpatutan dan mengikuti etika dalam amalan kebebasan bersuara seperti yang telah ditekankan dalam bab ini. Apabila hendak menyatakan pendapat, ia haruslah tidak mengkritik pihak lain yang boleh mengakibatkan konflik lalu jurus menyebabkan keruntuhan perpaduan dalam kalangan rakyat. Kebebasan bersuara hendaklah berlandaskan kepada kebenaran dan fakta yang benar dan ia haruslah difahami sepenuhnya sebelum dikongsi kepada orang ramai di dalam media sosial bagi mengelakkan salah faham antara masyarakat dan mengelakkan penularan berita palsu.

8.0 Bab 8 : Peranan Etika & Peradaban Mendokong Tanggungjawab Sosial

Bab ini bertajuk Tanggungjawab Sosial dalam Penghayatan Etika dan Peradaban. Tanggungjawab sosial bermakna mengakui bahawa pilihan atau pembuatan keputusan dan tingkah laku seseorang memberi kesan kepada alam persekitaran dimana ia tinggal. Setiap individu haruslah mengambil bahagian dalam melaksanakan tanggungjawab sosial sebagai seorang rakyat atau ahli masyarakat. Tanggungjawab sosial boleh dibahagikan kepada aspek rakyat, profesional, organisasi dan alam sekitar.

Sebagai seorang rakyat yang mempunyai etika, kita seharusnya menjadi agen moral yang baik. Kita perlulah menjadi contoh yang baik supaya masyarakat sekeliling turut terikut. Sentiasa melakukan perkara-perkara yang baik seperti menolong orang lain, sentiasa tersenyum walaupun hidup penuh dengan liku-liku dan cabaran serat hidup saling bertolak ansur terutamanya dengan jiran terdekat. Untuk melaksanakan tanggungjawab sosial aspek profesional, semua pekerja yang bekerja hendaklah berikan komitmen sepenuhnya apabila melaksanakan tugas. Kita sememangnya perlu mengamalkan sifat amanah, jujur, tekun apabila bekerja di dalam apa sahaja bidang industri.

9.0 Bab 9 : Cabaran Kelestarian Etika & Peradaban

Kelestarian bermaksud mengekalkan sesuatu untuk jangka masa yang panjang. Kelestarian Etika pula bermaksud usaha untuk mengekalkan etika dan peradaban dalam kalangan masyarakat. Malaysia yang hari ini adalah dibentuk dari kisah sejarah yang silam. Kedatangan penjajah barat membawa dimensi yang baru dalam etika dan peradaban dimana agama dipisah dari politik, rasionaliti, legal dan perkiraan keuntungan menjadi matlamat utama individu. Di dalam bab ini, ia telah menceritakan tentang cabaran-cabaran bagi keterlestarian etika dan peradaban. Antaranya ialah cabaran dalam politik, cabaran dalam sosial, cabaran ekonomi, cabaran psikologi dan banyak lagi. Apabila membincangkan aspek etika dan peradaban dalam konteks pembangunan sosial, aspek agama tidak boleh dikecualikan. Segala ajaran dan nilai-nilai dalam islam dapat menjadikan sesuatu individu itu mengamalkan kebaikan dan mengelak kejahatan jika ia betul-betul diamalkan.

Antara strategi dan langkah kelestarian etika dan peradaban ialah membina pemikiran dan sikap yang betul terhadap etika dan peradaban dalam kalangan masyarakat. Untuk memastikan nilai etika dikekalkan dalam kalangan masyarakat, ia haruslah bermula dari sesuatu individu. Suatu individu perlulah terlebih dahulu mempunyai sifat-sifat nilai murni seperti bertanggungjawab, keprihatinan, amanah, bertolak ansur, kedamaian, disiplin, kerajinan dan banyak lagi. Selain itu, memartabat dan menghayati kelima-lima prinsip Rukun Negara sebagai tulang belakang membina sebuah negara yang tinggi nilai etika serta peradaban. Proses untuk membina dan membangunkan etika dan peradaban bukanlah sesuatu proses yang mudah dek kerana cabaran-cabaran itu tadi namun ia haruslah dilakukan tanpa henti bagi mengekalkan negara yang bermartabat tinggi di mata dunia.